

| INEE Raih Anugerah Patron Pada EREKA 2014

Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (INEE) meraih hadiah patron selepas memperolehi 10 pingat emas pada Ekspo dan Pameran Penyelidikan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) (EREKA 2014) di Dewan Ilmu, Kampus PAUH Putra. Pingat emas disumbangkan Pengarah INEE, Prof. Dr. Uda Hashim, (enam emas) manakala Prof. Madya Dr. Yarub Al-Douri meraih dua emas dan Dr. Ruslinda A. Rahim serta Mohammad Nuzaihan Md Nor masing-masing meraih satu emas. Manakala Anugerah Khas, Best Of The Best Award dimenangi Penyelidik dari Pusat Pengajian

Kejuruteraan Sistem Elektronik, Baharuddin Ismail dengan produk Harmonic Generator dan Wong Yee Shian dari PPK Alam Sekitar meraih Anugerah Khas Best Green Award bagi produk Advanced ASGCB for the Production of Bio-Methane Gas. Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata, antara perkara yang perlu diteroka oleh ahli-ahli akademik termasuklah aspek pengurusan alam sekitar, persiapan menghadapi bencana, program kesedaran masyarakat, penyelarasan bantuan, komunikasi dan pembinaan semula kawasan yang terjejas

akibat bencana. Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP, Prof. Madya Dr. Mohd Foad Sakdan, Dekan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UniMAP, Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid dan Pengarah Pusat Kerjasama Industri dan Kerajaan UniMAP, Dr. Mukhzeer Mohamad Shahimin. Sebanyak 340 produk penyelidikan dari 15 Pusat Pengajian dan Pusat Tanggungjawab dipertandingkan pada EREKA 2014 manakala 84 bagi EMYIS 2015 kali ini.